

Dasar Pembangunan Kolonial dan Pengaruhnya terhadap Urbanisasi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1914-1940

Colonial Development Policy and Its Influence on Urbanization in the Federated Malay States, 1914-1940

Mohamad Aiman Fadhlin Mohd Ali
¹Mohd Shazwan Mokhtar

Program Sejarah
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel : ¹shazwan@ukm.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tema sejarah pembangunan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Pelaksanaan dasar pembangunan kolonial antara tahun 1914 hingga 1940 bukan sahaja mengakibatkan perkembangan infrastruktur moden di NNMB, bahkan mempengaruhi proses urbanisasi bandar kolonial. Kepentingan NNMB sebagai unit politik kolonial yang membekalkan komoditi asasi perdagangan eksport mendorong British membina bandar dan pelabuhan kolonial seperti Telok Anson, Kuala Lumpur, Pelabuhan Swettenham dan Pelabuhan Weld. Pembangunan bandar dan pelabuhan kolonial ini secara langsung mengakibatkan proses urbanisasi beracuan seni bina dan sistem perbandaran kolonial. Bagaimanapun, kajian terhadap proses urbanisasi di NNMB dan hubungkaitnya dengan dasar pembangunan kolonial masih kurang diberi perhatian oleh pengkaji sejarah. Oleh itu, kertas kerja ini membincangkan tiga komponen sejarah pembangunan NNMB secara khusus. Pertamanya, faktor pembentukan dasar perbandaran. Kedua, ciri dan sistem perbandaran kolonial dan yang ketiga kesan perbandaran terhadap ekosistem NNMB. Hasil kajian ini mendapati pembentukan dasar perbandaran disebabkan faktor perkembangan ekonomi moden di NNMB. Kegiatan ekonomi moden ini telah berkembang pesat dan menjadi tumpuan utama dalam pelaksanaan dasar kolonial. Secara tidak langsung perkara ini memerlukan pembangunannya kawasan yang berkeperluan dibangunkan. Sistem perbandaran dan ciri di NNMB pula diperlihatkan berdasarkan ciri Eropah mahupun campuran. Ciri Eropah yang paling ketara dalam pembangunan di NNMB adalah dari segi reka bentuk arkiteknya yang lebih ringkas sebagai salah satu ciri klasik manakala seni bina campuran adalah senibina yang diubahsuai kebiasaannya dari China dan India. Kesan perbandaran terhadap ekosistem NNMB akan mempengaruhi kualiti hidup masyarakat. Hal ini kerana ianya merupakan penentu dalam menggambarkan keadaan semasa penduduk

Kata kunci: Sejarah perbandaran, kolonialisme, sosioekonomi, seni bina, pembangunan

ABSTRACT

This article discusses the theme of the history of development in the Federated Malay States (FMS). The implementation of colonial development policies between 1914 and 1940 not only led to the development of modern infrastructure in FMS but also influenced the urbanization process of colonial cities. The importance of the FMS as a colonial political unit that supplied the staple commodities of export trade encouraged the British to build colonial cities and ports such as Telok Anson, Kuala Lumpur, Port Swettenham, and Port Weld. The development of these colonial cities and ports directly resulted in a process of urbanization based on colonial architecture and municipal systems. However, the study of the urbanization process in FMS and its relationship with colonial development policy is still not given much attention by historians. Therefore, this paper examines three components of the development history of FMS specifically. First, the factors of municipal policy formation Second, the characteristics and system of colonial townships; and third, the impact of townships on the FMS ecosystem. The results of this study establish a factor in the formation of municipal policy due to the development of the modern economy in FMS. This modern economic activity has grown rapidly and has become the main focus of the implementation of colonial policies. Indirectly, this requires the development of areas that need to be developed. The urbanization system and characteristics in FMS are shown based on European or mixed characteristics. The most significant European feature in the development at FMS is its simpler architectural design as one of the class characteristics, while the mixed architecture is a modified architecture usually from China and India. The impact of urbanization on the FMS ecosystem will affect the quality of life in the community. This is because it is decisive in describing the current situation of the population.

Keywords: *municipal history, colonialism, socioeconomics, architecture, development*

1. Pengenalan

Kolonial British yang secara beransur-ansur berkembang terutamanya yang dapat diperhatikan dari akhir abad kesembilan belas dan seterusnya. Setelah kedatangan pihak kolonial ke Tanah Melayu, dasar pembangunan kolonial telah dilaksanakan dan membawa kepada perkembangan penubuhan kemudahan infrastruktur. Pembangunan infrastruktur ini bertujuan bagi menyokong kepentingan British dalam mengeksploitasi sumber bahan mentah terutamanya di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Hasilnya, pelbagai pelabuhan dibuka dengan tujuan kepentingan ekonomi, sosial mahupun politik seperti pelabuhan Weld, pelabuhan Swettenham, pelabuhan Teluk Anson dan sebagainya. Umumnya, perkembangan dasar pembandaran kolonial ini berdasarkan beberapa perkembangan keadaan semasa ketika itu dan hal ini merujuk kepada keadaan ketika perang dan perubahan politik semasa Britain.

Dasar pembangunan kolonial ini boleh dirujuk dari Colonial Development Act 1929 yang merupakan suatu Akta untuk membenarkan pendahuluan dilakukan bagi membantu dan membangunkan pertanian dan perindustrian di tanah jajahan dan wilayah tertentu. Ia secara tidak langsung telah merangsang idea-idea pembinaan dan pembaharuan untuk tanah. Dasar kolonial mengenai pentadbiran dan pembangunan tanah berjaya menarik ramai pendatang Cina datang ke Tanah Melayu kerana bersifat liberal bagi pendatang untuk membuka ladang serta keuntungannya diberikan kepada kapitalis British kerana menjadi orang tengah yang menguasai raja-raja dan pembesar Melayu. Malah, berdasarkan perkara ini, pihak British juga telah meluluskan ordinan berkaitan perdagangan dengan musuh melalui penapisan.

Pembangunan dilaksanakan agar kehidupan masyarakat lebih sempurna dan selesai dalam mencapai suatu tingkat kehidupan yang lebih baik. Perkara ini membentuk

acuan kepada urbanisasi yang merupakan proses perkembangan apabila petempatan bandar berubah kepada bandar yang lebih kompleks atau dari luar bandar kepada bandar. Perubahan ini membawa kepada terbentuknya bandar pelabuhan atau bandar terancang lainnya di NNMB. Berdasarkan perkara tersebut, sumbangan aktiviti pembangunan dan kemajuan dalam kehidupan masyarakat amatlah penting dan ia boleh menjadi matlamat utama dalam kehidupan di kawasan tersebut, terutama apabila dinilai daripada aspek ekonomi. Dengan perkembangan pembandaran kolonial telah membentuk asas pembangunan negara sekarang. Dapatan kajian ini akan membincangkan mengenai punca pihak kolonial melaksanakan dasar pembandaran, ciri sistem pembandaran yang diperkenalkan pihak kolonial dan pengaruh terhadap perkembangan urbanisasi terhadap bandar di NNMB.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Dasar Kolonial

Richard (1981) telah menerangkan mengenai pembangunan ekonomi terhadap tanah jajahan mahkota British serta dasar-dasar yang dilaksanakannya. Dalam dalam tempoh peperangan, perkembangan dasar-dasar kolonial telah membantu British menangani beberapa isu terkait ekonomi yang terjadi dan perkara ini juga dapat diperhatikan dengan peningkatan pengeluaran dan penetapan hasil keluaran yang berlaku terhadap jajahan kolonial. Perkara ini melibatkan urusan ekonomi tanah Jajahan British seperti pembangunan fasiliti, cukai dan pengeluaran hasil ekonomi yang menyokong kerajaan serta sebagainya. Dasar yang dilaksanakan British ini berasaskan pertimbangan yang melibatkan belanjawan, kebimbangan strategik, geopolitik dan persaingan antarabangsa. Melalui penulisan ini, kajian yang akan diperbincangkan ini melibatkan dasar ekonomi yang dilaksanakan British. Walaubagaimanapun penerangan terhadap dasar ini terhadap Tanah Melayu terutamanya Negeri-negeri Melayu Bersekutu ketika 1914 hingga 1940 tidak diterangkan.

2.2 Perubahan Bentuk Pembangunan

Drabble (2000) menerangkan mengenai perubahan ekonomi Tanah Melayu berdasarkan tiga fasa utama iaitu pembentukan ekonomi eksport kolonial 1800-1920, peperangan dan kemerdekaan 1920-1963 dan perindustrian 1963-1990. Sepanjang abad kesembilan belas perdagangan Selat semakin merangsang pengeluaran eksport terutamanya pantai barat iaitu Perak, Selangor dan Negeri Sembilan dan perkara ini membawa kepada pembangunan. Ia telah menarik lebih banyak pelaburan dan imigrasi, yang membawa kepada pembangunan infrastruktur seperti jalan raya dan kereta api. Perkara tersebut juga telah menyebabkan populasi penduduk yang bermigrasi meningkat. Walaubagaimanapun, kajian yang akan dikaji berbeza dengan penulisan John H. Drabble dari segi perincian dasar pembangunan kolonial yang dilaksanakan membawa kepada urbanisasi serta tumpuan kawasan yang lebih berfokus di pelabuhan Tanah Melayu.

Dalam *Cities in Motion* oleh Su Lin Lewis (2016) menerangkan mengenai bandar-bandar pelabuhan Asia Tenggara. Bandar-bandar pelabuhan yang difokuskan ialah Pulau Pinang, Rangoon dan Bangkok yang berkembang disebabkan penerokaan British. Dapat diperhatikan dari perkembangan bandar-bandar tersebut yang mempunyai sistem pengangkutan yang menghubungkan dari satu tempat ke satu tempat lain. Perkembangan ini juga memperlihatkan kemasukan buruh asing yang menyebabkan migrasi. Dalam perkembangan pembandaran ini juga terdapat pelbagai infrastruktur dan kemudahan. Dapatan kajian yang akan ditulis ini adalah tertumpu kepada kawasan NNMB yang terdapat di Tanah Melayu dan menekankan dasar-dasar pembangunan kolonial yang menyebabkan urbanisasi terhadap bandar pelabuhan tersebut. Urbanisasi yang dimaksudkan akan menerangkan

mengenai perkembangan urbanisasi berdasarkan peluang pekerjaan, migrasi, infrastruktur yang dibangun dan sebagainya.

3. Metodologi dan Kawasan Kajian

3.1 *Tata Cara Pengumpulan Data*

Dalam mengumpulkan dan mendapatkan data, kajian ini akan menggunakan sumber-sumber kolonial sebagai rujukan seperti CO276 yang merupakan Straits Settlement: Original Correspondence, CO575 yang merupakan Federated Malay States report, Sekretariat Selangor malah sumber rasmi lain seperti FMS annual report turut digunapakai. Data dari sumber primer yang digunakan dalam kajian akan memastikan fakta mengenai anggaran mahupun dasar dan kesan yang dilakukan British terhadap pemandaran di NNMB. Antara sumber primer yang lain akan digunakan ialah Akta Pembangunan Kolonial 1929 yang membincangkan mengenai pembangunan yang dilakukan di tanah jajahan kolonial. Data dari dokumen-dokumen rasmi tersebut merupakan rekod awam pejabat yang membincangkan mengenai pembangunan NNMB dalam aspek infrastruktur dan kemudahan seperti kereta api dan telegraf mahupun anggaran pembangunan dan sebagainya. Dalam melaksanakan kajian ini, pengumpulan data dan penyelidikan akan dilakukan di Pustaka Tun Sri Lanang yang kebiasaannya berbentuk mikrofilem dan Arkib Negara. Bagi memahami sumber primer dan menyesuaikan isu kajian, sumber sekunder turut digunakan. Sumber kajian sekunder ini dapat dikumpulkan daripada kaedah kepustakaan terutamanya di Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL). Terdapat juga carian lain seperti jurnal-jurnal, artikel-artikel, tesis, latihan ilmiah atau sebagainya yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Carian internet juga turut digunapakai seperti Hathitrust, researchgate, hansard parliment dan Jstore sebagai rujukan tambahan.

3.2 *Analisis Data*

Kajian penyelidikan berhubungan dengan kualitatif dari sumber primer. Sumber yang berkaitan dengan urbanisasi sangat diberi perhatian terutamanya dalam skop masa kolonial. Hal ini mengenai dasar kolonial terhadap pembangunan pemandaran di Negeri-negeri Melayu Bersekutu masih kurang diberi perhatian. Sekiranya ada, ianya masih tidak jelas dalam menerangkan mengenai analisis terhadap dasar kolonial yang menjadi asas kepada perkembangan urbanisasi. Oleh itu, timbul masalah sama ada perkembangan urbanisasi merupakan kesan dari dasar yang dibawa kolonial atau tidak. Dalam mengetahui faktor pembangunan kolonial di pelabuhan Tanah Melayu, jenis masalah dan kekurangan yang berlaku sebelum pembentukan urbanisasi di pelabuhan haruslah diteliti dan dianalisis terlebih dahulu. Faktor-faktor tersebut akan dikaitkan dengan perubahan dasar kolonial yang terjadi di Tanah Melayu terutamanya di pelabuhan. Kajian ini juga turut dijalankan untuk memerhatikan pelaksanaan dasar kolonial terhadap pemandaran di NNMB. Kemudian, pengkajian ini juga dilakukan bagi meneliti sejauhmanakah kesan dari pelaksanaan dasar pembangunan kolonial membawa kepada kualiti perkembangan urbanisasi.

3.3 *Kawasan Kajian*

Dalam kajian ini, skop masa yang dipilih adalah pada tahun tahun 1914 hingga 1940 telah berlakunya "Great Depression". Krisis ekonomi merupakan isu utama yang menjadi krisis global ketika itu. Lebih daripada 50 negara atau tanah jajahan British mengalami kesan seperti dalam aspek import mahupun eksport. Berdasarkan keadaan tersebut, pengkaji dapat memerhatikan perspektif awal British terhadap dasar-dasar yang dilaksanakan kepada tanah jajahannya sehingga tahun 1940 ketika penubuhan Akta Pembangunan dan Kebajikan Kolonial. Dalam tempoh 1914 hingga 1940 akan memaparkan pelaksanaan beberapa seperti

Akta Kemudahan Perdagangan 1921-1924, Akta Pembangunan Kolonial 1929 dan sebagainya. dipilih dalam skop geografi kajian kerana pelbagai penilaian mengenai pambandan dapat dirumuskan. Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang akan dibincangkan adalah kebanyakannya merupakan pelabuhan yang berperanan dalam kegiatan ekonomi British seperti pelabuhan Swettenham, Teluk Anson dan Weld namun bandar-bandar sekitar di NNMB masih turut diperbincangkan dalam meneliti perkembangan urbanisasi. Kajian ini akan memperlihatkan perkembangan urbanisasi berdasarkan dasar yang dilaksanakan British, maka NNMB yang dipilih cukup bersesuaian kerana mempunyai ciri-ciri tersebut yang mengalami perkembangan urbanisasi.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Faktor pihak kolonial melaksanakan dasar pambandan

4.1.1 Perkembangan Ekonomi Moden

Bandar merupakan asas pertumbuhan ekonomi mempunyai peranan yang amat penting ketika zaman kolonial. Sepanjang tahun 1914 hingga 1940, aktiviti perbandaran di Tanah Melayu telah menunjukkan peningkatan yang signifikan. Bagi menangani dan mengurus peningkatan ini dengan baik, telah wujud keperluan terhadap perancangan, pembangunan dan pengurusan perkhidmatan perbandaran yang lebih sistematik dan efisien supaya kualiti hidup yang lebih baik dapat dinikmati oleh komuniti bandar. Menurut Hamzah Sendut, satu perkembangan yang perlu diberi perhatian dalam fokus kepada pembangunan pambandan di Tanah Melayu adalah penemuan bahan galian mineral, terutamanya bijih timah pada akhir ini abad kesembilan belas. Modal yang besar telah digunakan untuk membangunkan tanah jajahan dalam sektor ekonomi. Pembentukan dasar-dasar pembangunan kolonial kemudiannya dirangka bagi menjalankan sistem ekonomi yang lebih efisien di tanah jajahannya. Pengeluaran sumber dari Tanah Melayu sangat diakui membantu Britain semasa Perang dan bantuan besar yang mereka sumbangkan untuk tujuan bersama yang dapat digambarkan dari petikan Mr. Churchill;

“...The great efforts made by the Federated Malay States to assist His Majesty's Government during the War and the substantial assistance they contributed to the common cause have frequently been acknowledged and will not readily be forgotten. I am happy to say that the Federated Malay States Government, in conjunction with the Government of the Straits Settlements, have recently successfully raised a considerable loan in the London market, from which development works are being carried out. I may add that, as my hon. and gallant Friend, of course, knows, the present financial difficulties of Malaya are principally due to the unfavourable position of the world market of her chief products, and he is no doubt aware of the efforts which I am making to improve the outlook for the rubber industry

4.1.2 Pengurusan pentadbiran

Pengurusan pentadbiran di NNMB adalah kawasan bandar-bandar yang diduduki oleh British. Pusat Pentadbiran boleh dianggap sebagai pejabat pentadbiran pusat organisasi yang menguruskan sesuatu rangkaian. Pembangunan ekonomi mempunyai kesan yang besar terhadap perkembangan politik British. Oleh kerana permintaan yang lebih besar untuk bahan mentah Semenanjung di Barat akibat perindustrian, berlaku eksploitasi sumber ekonomi yang tidak berkesudahan di negeri-negeri Melayu di setiap negeri terutamanya di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Perkara ini menjadikan penguasaan daerah yang kaya dengan sumber menjadi semakin meningkat. Selain bandar-bandar utama berperanan sebagai ibu-ibu negeri seperti Taiping, pekan-pekan kecil turut berperanan penting sebagai pusat tumpuan daerah

setempat dan pekan-pekan kecil lain sebagai pusat umum untuk bekalan barangan keperluan serta perkhidmatan. Malah ianya turut digunakan sebagai pelabuhan bagi perdagangan dengan dunia luar. Fungsi bandar-bandar ini amat luas yang dapat diperhatikan telah wujud satu hierarki petempatan bandar, bergerak sebagai satu sistem seawal abad ke-20. Hasilnya, dari petempatan-petempatan bandar inilah sejumlah agihan barangan keperluan dan barangan rumah serta pelbagai perkhidmatan dapat disediakan seiring dengan saiz perkembangan setiap petempatan bandar ini ketika itu. Bandar-bandar ini wujud sebagai pusat-pusat pentadbiran Inggeris sambil membekalkan barangan ringan dan berat, dan perkhidmatan sehingga akhir perang dunia kedua.


4.1.3 Kependudukan atau demografi

Antara proses utama pemandaran dapat diperhatikan ialah terdapatnya migrasi masuk dari kawasan luar bandar atau kawasan lain. Proses migrasi ini secara tidak langsung membawa kepada peningkatan penduduk di sesebuah kawasan. Dengan itu, populasi besar di bandar boleh difahami bahawa sebahagian besarnya adalah melalui penghijrahan dari kawasan yang berbeza yang membawa kepada orang yang berbeza latar belakang dan kepercayaan hidup bersama. Campuran orang ini menjejaskan kerja kawalan tidak formal, peraturan dan institusi yang sedia ada. Proses ini kebiasaannya dijalankan melalui sistem kontrak oleh imigran luar terutamanya buruh Cina yang datang ke Tanah Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana keperluan pengembangan ekonomi yang dilaksanakan British memerlukan buruh yang berkemahiran dalam bidang tertentu. Perkara ini demikian kerana tenaga buruh ketika itu masih kurang dan memerlukan bantuan dari luar. Menggunakan buruh kasar asing sememangnya sangat membantu mengatasi masalah ini dengan mengeluarkan kos yang murah. Penubuhan pembangunan British ini bertepatan dengan pelaburan pertanian inkomersial yang semakin meningkat ketika itu, namun keuntungan pada mulanya adalah sederhana menurut Leiw Kai Khiun. Oleh itu, bagi menjalankan bidang pertanian ini dengan lebih giat dalam mencapai keuntungan yang diinginkan di Tanah Melayu, bekalan buruh merupakan isu penting. Hal ini dikatakan demikian kerana industri berintensif buruh dalam pasaran akan meningkatkan pengeluaran hasil yang lebih baik. Berikut merupakan banci penduduk di NNMB sekitar tahun 1901 hingga 1947;

Jadual 1: Banci penduduk Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1901-1947

	1901	1911	1921	1931	1947
Perak	329,665	494,057	599,055	765,989	953,938
Pahang	84,113	118,708	146,064	180,111	250,178
N. Sembilan	96,028	130,199	178,762	233,799	267,668
Selangor	168,789	294,035	401,009	533,197	710,788

Sultan Nazrin Shah, Economic History of Malaysia, Census Report



Sultan Nazrin Shah, Economic History of Malaysia, Census Report

4.1.4 Perkhidmatan kesihatan

Dalam mana-mana sistem kesihatan, fungsi utama adalah untuk menyediakan atau menyampaikan perkhidmatan kesihatan untuk penduduknya. Persoalannya terletak pada sama ada kesihatan perkhidmatan yang diberikan adalah bermanfaat, berkesan dan mampu dimiliki oleh penduduk berkenaan. Walau pembangunan pempandaran bertujuan lebih kearah penumpuan perkembangan ekonomi, namun keperluan perkhidmatan kesihatan turut diberi perhatian dalam dasar yang dijalankan kolonial. Hal ini diperlukan bagi menangani masalah kesihatan yang berlaku terutamanya dengan banyaknya imigran yang menetap di NNMB. Imigran yang menetap di NNMB kebanyakannya bermastautin di kawasan pinggir seperti setinggan yang sempit. Perkara tersebut memudahkan jangkitan-jangkitan tertentu tersebar kerana ianya adalah tidak terurus dan agak kurang bersih. Sebelumnya pada tahun 1911, Times of Malaya telah menyatakan terdapat aduan rasmi oleh PAM mengenai kepadatan penempatan buruh kasar di pusat kuarantin di Pulau Jerejak yang disebabkan wabak kolera serantau pada bulan Ogos. Dari sudut isu yang diperbincangkan dengan adanya pempandaran, kebanyakan fungsi bandar-bandar terutamanya di pelabuhan ketika itu adalah sebagai pusat utama kuaritin dalam mencegah penularan yang mungkin akan terjadi kemudiannya. Perkembangan kesihatan melalui pusat kuaritin ini tidak terhad kepada konteks bandar yang akan dipantau rapi oleh wakil perladangan kerana sebelum ini ia ditubuhkan untuk menyaring penumpang bagi penyakit berjangkit yang boleh membawa maut. Contoh utama seperti yang diterangkan diawal bertapak di Pelabuhan Swettenham dan Pulau Jerejak yang akan menangani masalah dari pekerja asing sebelum dihantar ke ladang.

4.1.5 Kemudahan sosial

Faktor utama British berusaha menjalankan dasar pembangunan pempandaran yang pesat di NNMB dalam tempoh 1914 hingga 1940 kerana telah wujud sistem perhubungan dan pengangkutan sedia ada yang baik sebelumnya. Umumnya, perlu difahami bahawa jalan perhubungan yang dibangun British sebelum tempoh ini telah mempercepat proses kemajuan pembangunan yang diinginkan. Dengan adanya pembukaan tanah-tanah baharu untuk eksploitasi sumber, beberapa kemudahan infrastruktur akan dibangunkan. Namun, pada mulanya sebelum abad ke 20 di Tanah Melayu, pembangunan yang dilaksanakan masih kurang atau dikatakan terhad. Sekiranya ada hanya pada tertumpu pada kawasan yang berkepentingan seperti pelabuhan mahupun tempat cari gali timah. Laluan di kawasan-kawasan ini juga penting bagi menghubungkan beberapa kawasan berkepentingan ini

kemudiannya. Hal ini dikatakan demikian kerana British menumpukan banyak usaha untuk membina infrastruktur pengangkutan di mana kereta api dan rangkaian jalan raya yang menghubungkan tempat pengalihan bijih timah ke pantai. Malahan, kemudahan pelabuhan juga telah ditambah baik untuk memudahkan eksport sumber. Perkembangan ini merangsang pertumbuhan dalam industri bijih timah dan getah untuk memenuhi permintaan dunia.

4.2 Sistem pambandaran yang diperkenalkan pihak kolonial di Negeri-negeri Melayu Bersekutu

4.2.1 Pelaksanaan dasar kolonial

Sebelumnya, disebabkan kemelestan ekonomi, British telah menerima pembaharuan dalam menjalankan sistem ekonominya iaitu melalui merkantalisme. Hal ini dikatakan demikian kerana penguasaan tanah jajahan yang kukuh akan menghasilkan pulangan ekonomi daripada tanah jajahan bagi mengatasi masalah kemelesatan ekonomi ini. Proses inilah yang menjadi awal kepada kegiatan British di Tanah Melayu terutamanya Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Perkara setelahnya yang dibawa adalah pelaksanaan beberapa dasar bagi membangunkan tanah jajahannya. Contoh yang adapat diperhatikan adalah dari pelabuhan Swettenham yang memberikan kesan baik dalam pembangunan dengan menjadi laluan pengangkutan bijih timah. Penguasaan pelabuhan kolonial ke atas petempatan pantai yang lebih kecil merupakan ciri penting dalam pembangunan hierarki bandar. Proses ini dibiayai dan dibekalkan dengan dana mahupun buruh dari penguatkuasaan akta ini.

Semasa tempoh antara perang dunia, idea-idea tentang bagaimana untuk memajukan pembangunan kolonial British mula beredar, dengan beberapa mencadangkan bahawa Kerajaan British harus mendapatkan pinjaman yang dibangkitkan oleh pentadbiran kolonial. Perkara ini bagi memulakan pembangunan ekonomi dan meneruskan permintaan lanjutan terhadap geran kerajaan, pembayaran pendahuluan tanpa faedah dan pinjaman bersubsidi¹ yang dikatakan bergantung pada konteks yang akan dilakukan. Walau bagaimanapun, dengan ketiadaan peluang politik yang betul dan sokongan peringkat tinggi dari Kabinet British, tiada satu pun perbincangan ini menghasilkan penggubalan dasar atau undang-undang baru untuk menyokong pembangunan kolonial di seluruh Empayar British pada awal 1920-an.

Akta Pembangunan Tanah Jajahan adalah salah satu Akta pertama yang diluluskan oleh kerajaan baru pada tahun 1929. Ia menyediakan buat pertama kalinya, dana tetap untuk pembangunan wilayah kolonial. Ia menubuhkan sebuah dana di mana Parlimen setiap tahun mengundi jumlah yang dianggarkan diperlukan sehingga maksimum tahunan sekitar £1Juta. Perbezaan antara undi dan ini maksimum luput setiap tahun. Britain meluluskan Akta Pembangunan Kolonial (CDA), yang mewakili percubaan terpusat dan sistematik pertama untuk memperuntukkan bantuan pembangunan di seluruh tanggungan dalam Empayar British. CDA adalah mekanisme pengagihan semula yang jauh dari progresif dalam kedua-dua konsep dan pelaksanaan. Namun, CDA merangkumi banyak ketegangan dan percanggahan yang wujud tentang kebajikan dalam Empayar British sendiri, dengan Britain yang menggambarkan dirinya sebagai kuasa penjajah yang terikat dengan tanggungjawab dan dermawan di satu pihak. Politik dan objektif formatif Akta Pembangunan Tanah Jajahan, 1929 adalah untuk menangani masalah pengangguran menjadi masalah politik yang mendesak di Britain menjelang pilihan raya 1929.

Tumpuan utama diberikan kepada kebajikan melalui pengurangan ancaman penyakit berjangkit yang membantu melindungi perdagangan antarabangsa dan tentera penjajah,

pentadbiran dan peneroka, serta bekalan buruh pribumi yang bergantung kepada pemilik ladang kolonial dan perlombongan. Dengan itu, imej British juga dapat dikukuhkan dengan adanya peningkatan kesihatan awam melalui sistem sanitasi moden dan perubatan Barat sebagai misi peradaban. Perkara yang sama turut dilakukan di Tanah Melayu terutamanya di NNMB.

4.2.2 Bentuk pembandaran di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Perbincangan dalam bahagian ini akan meliputi aspek struktur bandar, morfologi bandar dan rupa bandar dengan merujuk kesan dari dasar pembangunan kolonial dari tahun 1914 hingga 1940 di NNMB. Ciri pembandaran di NNMB dalam perkembangan kolonial lebih bersifat Eropah seperti Neo-klassik, Neo Ghotik, Moorish dan Tudor. Malah boleh diperhatikan bahawa ciri Eropah telah menjadi asas atau acuan wajib dalam struktur seni bina seterusnya. Walaubagaimanapun, kebanyakannya mempunyai keunikan tersendiri dan berbeza-beza seperti berkeunikan tropika atau mewakili adat dan budaya masyarakat kerana akan dibangunkan sesuai dengan asimilasi dari ciri campuran. Bangunan bertingkat tinggi dan perumahan moden telah dibina secara meluas di banyak kawasan bandar dengan penyesuaian konsep baru dalam perancangan, bahan dan gaya, yang menggantikan corak seni bina tradisional dengan pesat. Dengan itu, penggunaan konsep hidup barat telah menggalakkan penduduk tempatan untuk membina rumah yang menggabungkan gaya seni bina barat dan cirinya. Kebanyakan ciri ini dapat diperhatikan dari seni bina sekolah-sekolah yang dibangunkan kolonial seperti Kajang High School yang ditubuhkan pada 1914.



RAJAH 1. Kajang High School, 1914

Terdapat juga ciri pembandaran lain yang ketara seperti hasil dari kemasukkan immigran Cina. Perkara ini berkait rapat dengan budaya atau sistem organisasi yang dibawa dari China yang mana mempunyai amalan yang serupa di Canton seperti tempat berniaga dan perniagaan yang dijalankan. Kawasan kediaman dan komersil binaan Cina adalah tempatan dikenali sebagai Kampung China atau Chinatown. Malah, ia juga dapat diperhatikan dari binaan kuilnya yang menggambarkan ciri khasnya. Seni bina campuran yang kerap diperhatikan di Tanah Melayu adalah dari segi penggunaan siling tinggi, mengunjurkan anjung hadapan dan penggunaan stuko putih. Selain itu, ciri yang menyerlah lainnya dalam pembangunan di NNMB adalah dari tempat ibadah muslim iaitu masjid seperti di Masjid Mendum, Lenggeng, Negeri Sembilan yang mempunyai ciri dari China. Bumbung bertingkat tiga dapat diperhatikan dari ciri masjid ini. Walaubagaimanapun ia diperlihatkan mempunyai kubah yang merupakan ciri dari seni bina India Muslim.



RAJAH 2. Masjid Mendum, 1928

Contoh dari ciri atau gaya seni bina Eropah yang diterangkan juga dapat diperhatikan pada Bangunan Pejabat Pos Lama Ipoh, Perak yang telah dibangunkan sekitar 1913 dan siap pada 1916. Bangunan Pejabat Pos ini direka oleh arkitek British A.B Hubback dan terletak di tengah-tengah pusat Bandar lama Ipoh yang merupakan kawasan pentadbiran kerajaan yang utama pada zaman Inggeris ketika itu. Bangunan ini mempunyai seni bina Roman dan Renaissance yang unik. Bangunan dua tingkat ini juga dikelilingi arked terbuka atau verandah di tingkat atas dan bawah. Arked ini dihias dengan tiang dan gerbang separuh bulatan menonjolkan ciri-ciri Greek dan Roman manakala dinding verandah di tingkat atas dibina dengan corak victorian yang ringkas.


4.3 *Perkembangan pembandaran di Negeri-negeri Melayu Bersekutu*

4.3.1 *Peningkatan kualiti hidup*

Peningkatan dalam kualiti hidup rakyat di sesebuah negara adalah penting kerana ianya merupakan antara alat pengukur yang digunakan dalam menilai sesebuah tahap kemajuan dalam suatu kawasan. Kualiti hidup dianggap sebagai penentu dalam menggambarkan keadaan semasa penduduk. Salah satu kualiti hidup yang dibangunkan hasil dari dasar pembangunan kolonial adalah pendidikan. Pendidikan adalah perkembangan dari peningkatan kualiti hidup dalam pembangunan kolonial seperti penubuhan beberapa sekolah vernacular di Tanah Melayu. Dikatakan bahawa pendidikan di bandar lebih berkualiti berbanding di luar bandar kerana perbezaan vernacular yang dibahagikan. Walaubagaimanapun aspek yang akan diberi perhatian adalah kelebihan yang diperoleh dari hasil peningkatan kualiti hidup melalui pendidikan. Peningkatan teknologi dan kemudahan juga menjadi pemangkin pada kualiti ini. Antara yang sering diperbincangan adalah mengenai lampu elektrik yang digunakan secara meluas terutamanya di jalan-jalan dan dewan bandar di Kuala Lumpur. Selain itu, peningkatan aktiviti manusia diperlihatkan meningkat seiring dengan peningkatan migrasi penduduk seperti aktiviti perniagaan. Bekalan air juga menjadi keperluan yang meningkat seiring dengan keadaan ini yang digunakan untuk perkilangan ais, kilang air berudara, rumah basuh bijih timah, kilang penyulingan, bekalan kepada mana-mana dandang, hotel, barber, klinik gigi, institusi agama dan sekolah yang dapat dirujuk dari Faderated Malay States Miscellaneous (1930).

4.3.1 Perkembangan pemandaran di NNMB

Rebakan bandar merupakan suatu proses peluasan kawasan perbandaran sesebuah bandar raya ke kawasan pinggir bandar yang lazimnya masih berkepadatan rendah, bersifat desa dengan keadaan guna tanah utamanya pertanian. Dengan kata lain binaan atau gunaan tanah melebihi kadar pertumbuhan penduduknya. Proses mengharuskan permintaan penduduk dipenuhi berdasarkan pemandaran dan tekanan pasaran. Hasilnya, wujud kawasan rumah kediaman, pusat penyediaan perkhidmatan, pembangunan institusi awam, pentadbiran dan industri menyebabkan kawasan tersebut berkembang di sekitarnya. Jika diperhatikan pada zaman kolonial seperti perkembangan Kuala Lumpur, beberapa ciri-ciri tersebut yang pada awalnya hanya pada kawasan yang berkepentingan untuk perlombongan dan akhirnya menjadi bandar. Ianya memerlukan sistem perhubungan yang baik bagi menghubungkan antara bandar-bandar berkepentingan di NNMB untuk dibawa ke pelabuhan.



RAJAH 3. Laluan perhubungan ke Kuala Lumpur dan Pelabuhan Swettenham

Perkembangan umum untuk bandar moden kolonial juga semestinya mempunyai saluran air dan elektrik untuk kegunaan harian dan ia perlu diselenggara secara berkala. Suatu aspek pemandaran dapat diperhatikan dari ini adalah keadaan aktiviti dalam menangani masalah yang mungkin berlaku setelahnya atau dengan kata lain peluang pekerjaan yang akan diperlo. Dapat diperhatikan dari kejadian selepas banjir 1926, kerja-kerja tebatan banjir besar-besaran telah dijalankan di tengah-tengah Kuala Lumpur hasil dari pengubahsuaian Sungai Klang. Kerja-kerja tersebut terdiri daripada penyelewengan dan penyaluran Sungai Klang daripada pertemuannya dengan Sungai Gombak di tengah-tengah bandar di hilir sepanjang kira-kira 5 km dan salurannya yang tidaklah diubah suai akan menyebabkan ketidaksabilan. Ini membuka peluang pekerjaan bagi masyarakat yang memerlukan.

Perkara tersebut juga menunjukkan peluang yang ada di bandar-bandar adalah tinggi berdasarkan keperluan masyarakat yang sering meningkat. Hasil daripada itu membawa kepada wujudnya rumah-rumah kelab, sekolah, bangunan jabatan bomba, rumah kedai, pejabat daerah dan kopitiam. Perkara ini dapat diperhatikan juga berlaku di Taiping, "...the inhabitants are employed and occupied in various ways. The bustling merchant is

superintending the loading of a hand-cart with bright shining slabs of tin.... There are blacksmith shops, carpenters...medicine shops, cloth merchants, rice dealers.... The market is crowded with miscellaneous goods, jewellers, barbers, shoemakers..." (Rathborne, A.B, 1898, 229-30)

Dalam tempoh antara 1911 dan 1931, bandar yang paling pesat berkembang bukan lagi di kawasan pengeluaran bijih timah, tetapi di kawasan pertanian yang baru dibangunkan, atau pusat dengan kepekatan fungsi pentadbiran. Pertumbuhan Seremban dan Kuala Lumpur dalam tempoh 1911 hingga 1921 dan perkembangan Klang, Bandar Penggaram (Batu Pahat) serta Alor Star merupakan suatu contoh ini. Walaubagimanapun, pembangunan yang berlaku menyebabkan beberapa kesan lain seperti pengeluaran kos negara yang meningkat. Pada pertengahan 1930 an, pre-depression telah berlaku yang mana telah menyebabkan kerajaan kolonial melakukan pelbagai usaha untuk membawa ekonomi di Tanah Melayu untuk keluar daripada kemelesetan ekonomi. Dengan pelaksanaan akta Colonial Development Act 1929, autoriti telah digunakan untuk meminta bantuan dana bagi membangunkan sektor industri dan pertanian atas kapasiti kepentingan ekonomi kerajaan British seperti di NNMB.

5. Kesimpulan

Di bawah pemerintahan kolonial British, pembangunan dan ekonomi Negeri-negeri Melayu Bersekutu menunjukkan perubahan dari ciri tradisi kepada moden melalui dasar-dasar kolonial. Daripada pelaksanaan dasar ini, ekonomi kolonial akan lebih terjamin berdasarkan perkembangan yang berlaku. Eksploitasi sumber mineral dan pengeluaran komoditi eksport sebahagian besarnya dibiayai dan dibekalkan dengan buruh untuk dibawa ke pelabuhan kolonial. Perkara tersebut membawa kepada perkembangan laluan perhubungan dan infrastruktur lainnya. Hasilnya reka bentuk khusus atau ciri khas telah diterapkan dalam pembangunan di NNMB terutamanya ciri seni bina Eropah yang menjadi dasar yang penting dalam pembangunan. Pembangunan kolonial ini dalam tempoh kajian lebih kepada langkah bagi mengekalkan dan menambah baik perkhidmatan ekonomi asas, terutamanya terhadap kereta api, jalan raya, pelabuhan dan sistem perhubungan lain. Ianya dikatakan telah menambah baik industri yang sedia ada serta meningkatkan produktiviti pengeluaran yang dihasilkan. Perkara ini secara langsung akan mewujudkan persekitaran yang lebih selesa dan menawarkan peluang pekerjaan yang seterusnya akan meningkatkan taraf hidup mereka. Oleh itu, isu pengaruh pembangunan pelabuhan terhadap urbanisasi Tanah Melayu terutamanya di NNMB pada tahun 1914 hingga 1940 diharapkan akan menyumbang kepada penyelidikan baharu atau nilai tambah mengenai sejarah urbanisasi berdasarkan penglibatan kolonial British terhadap perkembangan kepada pempandaran pada masa akan datang.

Rujukan

- Annual Report of Federated Malay States 1913.
B. King. (1949). Survey Of British Colonial Development Policy, International Bank for Reconstruction and Development, Economic Department, No. E 68-A.
CO 575/26 Miscellaneous
CO 575/27 Table of Taxes, Duties, Fees, Etc..
CO 576/10 Public Record Office
CO 576/12 Public Record Office
Colonial Development Act 1929, Chapter 5, <https://www.legislation.gov.uk/ukpga/Geo5/20-21/5/enacted>.

- Drabble, John. (2000). *An Economic History of Malaysia, c.1800-1990, The Transition to Modern Economic Growth*, Macmillan Press LTD.
- Economic History of Malaysia.
- Hamzah Sendut. (1964) Patterns of Urbanisation in Malaya, *Journal of Tropical Geography*. Vol. 17, No. 98. 32-26.
- Hansard. (1922). Parliamentary Debates, Federated Malay States, HC Deb 25 July 1922 vol 157 cc225-6W.
- Kai Khiun Liew. (2007). Terribly severe though mercifully short: the episode of the 1918 influenza in British Malaya, *Modern Asian Studies*, 41(2), 221-252.
- Leiw Kai Khiun. (2010). Planters, estate health & malaria in British Malaya (1900-1940), *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. 91-115.
- Lim Teck Ghee, (1976), *Origins of a colonial economy: land and agriculture in Perak 1874-1897*, Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Richard M. Kenser, (2008). *Economic Control and Colonial Development; Crown Colony Financial Management in the Age of Joseph Chamberlain*, Green Press Westport, Connecticut.
- Su Lin Lewis. (2016). *Cities in Motion, Urban Life and Cosmopolitanism in Southeast Asia, 1920-1940*.